

Senator sanjungi kepimpinan Mahathir

UM - 7 NOV 2003
KUALA LUMPUR 6 Nov —
Ahli-ahli Dewan Negara hari
ini menyanjungi kepimpinan
dan kemajuan yang dibawa
oleh bekas Perdana Menteri,
Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mereka yang membahas-
kan usul terima kasih dan
penghargaan kepada Dr. Ma-
hathir di Dewan Negara hari
ini menyifatkan beliau seba-
gai pemimpin ulung, Bapa
Pembangunan dan Bapa Pe-
modenan Malaysia.

Senator M. Ratnam ber-
kata, tempoh pentadbiran
Dr. Mahathir merupakan era
kegemilangan negara yang
melihat pembangunan dari
segala aspek.

Senator Lim Kee Moi
berkata, di bawah kepimpin-
an Dr. Mahathir terbina La-
pangan Terbang Antaraba-
ngsa Kuala Lumpur (KLIA),
Menara Berkembar Petronas
(KLCC), Lebuhraya Utara-
Selatan (PLUS), Pusat Pen-
tadbiran Kerajaan Pusat
Putrajaya dan pelbagai lagi
mercu tanda negara.

Katanya, semua ini telah
memungkinkan negara men-
jadi salah sebuah negara ke-
tiga yang membangun deng-
an pesat dan memberi faedah
yang besar kepada rakyat.

**Senator Datuk Moha-
mad Taha Ariffin** berkata,
kepimpinan Dr. Mahathir
sebagai Perdana Menteri ti-
dak pernah meminggirkan
Sabah dan Sarawak dari segi
pembangunan material dan
rohani.

Ujar beliau, pembangunan
seimbang yang dibawa oleh
Dr. Mahathir di Semenang-
jung, Sabah dan Sarawak
menunjukkan peribadi beli-
au sebagai seorang negara-
wan ulung negara.